**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

**PROSEDUR KERJA**
**SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

| **TAJUK : TUNTUTAN PERJALANAN MENGHADIRI HARI GURU / KASTAM / POLIS / HARI ANGKATAN TENTERA MALAYSIA** | |
|---|---|
| TARIKH UBAHSUAI : 31 DISEMBER 2018 | MUKA SURAT : 1/21 |

| Perkara | Maklumat Yang Perlu Disemak | Rujukan |
|---|---|---|
| Tuntutan Perjalanan Menghadiri Hari Perkhidmatan | **HARI PERKHIDMATAN**<br>Merupakan hari untuk memberi pengiktirafan kepada pegawai awam yang menyumbang jasa dan tenaga serta menunjukkan kecemerlangan dalam penyampaian perkhidmatan khususnya untuk Perkhidmatan Perguruan, Kastam, Polis Diraja Malaysia dan Angkatan Tentera Malaysia.<br><br>**TAKRIFAN**<br><br>**TUGAS RASMI**<br>Tugas yang berkaitan dengan tugas pejabat selain daripada menghadiri kursus yang dibenarkan. Contohnya mesyuarat, persidangan dan penceramah.<br><br>**PEGAWAI**<br>Seorang pegawai tetap / sementara di dalam Perkhidmatan Awam termasuk anggota dalam perkhidmatan Polis Diraja Malaysia dan Angkatan Tentera Tetap Malaysia.<br><br>**GRED**<br>Gred Gaji dibawah Sistem Saraan Malaysia mengikut Pekeliling Perkhidmatan bil 4 Tahun 2002. Pegawai yang memilih tidak menerima Sistem Saraan Malaysia boleh terus mengemukakan tuntutan elaun, kemudahan dan bayaran dibawah pekeliling ini berdasarkan Gred/Kategori masing-masing dibawah Sistem Saraan Baru (SSB) / Kumpulan gaji masing-masing dibawah Laporan Jawatankuasa Kabinet 1976 (JKK 1976) mengikut mana berkenaan. | 1PP WP 1.4 Para 2.3<br><br>1PP WP 1.5 Para 2.2<br><br>Perintah Majlis Angkatan Tentera Bil 10 Tahun 2003 Para 3 (a)<br><br>1PP WP1.4 Para 2.1<br><br>Istilah Perkhidmatan Awam JPA www.jpa.gov.my |

| Perkara | Maklumat Yang Perlu Disemak | Rujukan |
|---|---|---|
| Tuntutan Perjalanan Menghadiri Hari Perkhidmatan | **PENCERAMAH / FASILITATOR**<br>Semua pegawai kerajaan (tetap/ kontrak/ sementara/ sambilan/ sangkut/ pesara) yang memberikan syarahan/ ceramah secara sambilan pada atau luar waktu pejabat bagi sesuatu kursus atau majlis rasmi yang dianjurkan oleh Jabatan/Kementerian. Ibu Pejabat<br><br>**JAWATAN TETAP**<br>Seseorang yang dilantik secara tetap oleh Suruhanjaya Perkhidmatan atau pihak yang diwakilkan kuasa olehnya.<br><br>**JAWATAN KONTRAK**<br>Perlantikan seseorang calon atau pegawai untuk berkhidmat dengan agensi awam yang diuruskan mengikut peruntukan bagi tempoh tertentu berasaskan syarat perkhidmatan yang dipersetujui dalam perjanjian kontrak yang ditandatangani oleh calon.<br><br>**JAWATAN PEKERJA KHIDMAT SINGKAT (SAMBILAN)**<br>Pekerja yang diambil berkhidmat mengikut syarat yang ditetapkan dalam Panduan kepada Pekeliling Perkhidmatan ini. Mereka bukan pegawai awam atau pegawai sedang berkhidmat bagi maksud Perintah-Perintah Am Bab A 1973. | |

| Perkara | Maklumat Yang Perlu Disemak | Rujukan |
|---|---|---|
| Tuntutan Perjalanan Menghadiri Hari Perkhidmatan | **JAWATAN SEMENTARA**<br>Jawatan yang diwujudkan untuk menjalankan sesuatu fungsi bagi suatu tempoh tertentu di mana peruntukan emolumennya ditetapkan di bawah anggaran belanja mengurus dan tersenarai dalam senarai perjawatan.<br><br>**IBU PEJABAT**<br>Tempat biasa seorang pegawai melaporkan diri untuk bertugas dan lingkungan jarak pentadbirannya:-<br><br>i. 25km jika boleh dihubungi oleh jalanraya;<br><br>ii. 16km jika boleh dihubungi oleh jalan tanah yang boleh dilalui oleh kenderaan bermotor;<br><br>iii. 8km jika boleh dihubungi oleh jalan basikal dan sungai.<br><br>**ELAUN PERJALANAN**<br>Pegawai boleh menuntut elaun perjalanan kenderaan secara hitungan kilometer, kapal terbang, keretapi, tambang gantian atau tambang pengangkutan awam. | |

| Perkara | Maklumat Yang Perlu Disemak | Rujukan |
|---|---|---|
| Tuntutan Perjalanan Menghadiri Hari Perkhidmatan | **TAKRIF TIDAK LAYAK TUNTUT ELAUN KENDERAAN MELAINKAN BEBERAPA KEADAAN**<br>Seorang pegawai yang dikehendaki menggunakan perkhidmatan kapal terbang atau kereta api bagi menjalankan tugas rasmi di tempat yang boleh dihubungi terus oleh kapal terbang atau kereta api dan oleh itu tidak layak menuntut Elaun Perjalanan Kenderaan melainkan di dalam keadaan berikut :-<br><br>i. jika jarak di antara kedua-dua tempat adalah kurang 240km;<br><br>ii. apabila seorang pegawai dikehendaki juga menjalankan tugas rasminya di beberapa tempat di sepanjang perjalanan;<br><br>iii. apabila didapati mustahak dan terpaksa bagi seseorang pegawai berkenderaan sendiri;<br><br>iv. apabila seorang pegawai mustahak dan terpaksa membawa pegawai lain sebagai penumpang yang juga menjalankan tugas rasmi;<br><br>v. bagi peruntukan diatas kelulusan Ketua Jabatan hendaklah dilampirkan dengan baucar tuntutan pegawai tersebut. | 1PP WP 1.4<br>Para 5.7.3 |

| Perkara | Maklumat Yang Perlu Disemak | Rujukan |
|---|---|---|
| Tuntutan Perjalanan Menghadiri Hari Perkhidmatan | **<u>TAMBANG GANTIAN</u>**<br>Seorang pegawai yang menggunakan kenderaan sendiri untuk bertugas disatu tempat yang jaraknya melebihi 240km daripada Ibu pejabatnya dan terdapat perkhidmatan terus kapal terbang atau kereta api layak menuntut tambang gantian mengikut kadar tambang pengangkutan yang sesuai dengan kelayakannya.<br><br>Tambang gantian itu hendaklah bersamaan dengan tambang kapal terbang atau kereta api mengikut mana yang berkenaan. Syarat tuntutan Tambang Gantian adalah seperti berikut:<br><br>5.3.1 pegawai hendaklah menggunakan kenderaan persendirian;<br><br>5.3.2 kadar tuntutan Tambang Gantian adalah bersamaan dengan harga tiket bagi tambang kapal terbang atau kereta api mengikut mana yang berkenaan, yang dibenarkan berdasarkan kelayakan pegawai; dan<br><br>5.3.3 Tambang Gantian hanya layak dituntut sekiranya ia lebih menjimatkan berbanding tuntutan perjalanan menggunakan kenderaan sendiri bagi menggalakkan perbelanjaan berhemat.<br><br>Pegawai yang menuntut tambang gantian tidak layak menuntut apa-apa tambang atau bayaran | 1PP WP 1.4<br>Para 5.8 |

| Perkara | Maklumat Yang Perlu Disemak | Rujukan |
|---|---|---|
| Tuntutan Perjalanan Menghadiri Hari Perkhidmatan | tambahan berkaitan dengan perjalanan kapal terbang / kereta api seperti tambang dari rumah ke lapangan terbang / stesen kereta api dan sebaliknya, bayaran cukai lapangan terbang atau bayaran tempat tidur dalam kereta api (*berth charges).* | |
| | **<u>KENDERAAN SELAIN DARI KEPUNYAAN SENDIRI</u>**<br>Ketua Jabatan boleh menimbangkan permohonan untuk menuntut Elaun Perjalanan Kenderaan daripada pegawai yang menggunakan kenderaan selain dari kepunyaannya sendiri semasa menjalankan tugas rasmi dengan syarat :<br>i. kenderaan Jabatan tidak dapat disediakan bagi kegunaan pegawai;<br>ii. Pegawai hendaklah mengesahkan bahawa kenderaan yang dipinjam itu berada dalam keadaan baik dan selamat sebelum dan semasa digunakan;<br>iii. Tuan punya kenderaan tersebut tidak ada menuntut Elaun Perjalanan Kenderaan ke atas kenderaan yang sama di sepanjang tempoh tuntutan dibuat oleh pegawai. | Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil 2 Tahun 1984 |
| | **Tambang Pengangkutan Awam**<br>Seseorang pegawai yang tidak menggunakan kenderaan sendiri atau kenderaan yang disediakan oleh kerajaan atau penganjur bagi menjalankan tugas rasmi samada di dalam atau di luar ibu | 1PP WP 1.4 Para 5.11.1(a) |

<table>
<tr><th>Perkara</th><th>Maklumat Yang Perlu Disemak</th><th>Rujukan</th></tr>
<tr><td>Tuntutan Perjalanan Menghadiri Hari Perkhidmatan</td><td>pejabatnya adalah layak menuntut tambang pengangkutan awam seperti berikut:-<br><br>i. Teksi/kereta sewa/ bas/ motobot/ jenis pengangkutan lain dalam kategori ini. Mengikut tambang lazim yang dikenakan bagi sesuatu perjalanan tersebut dan disokong dengan resit sekiranya ada resit dikeluarkan.<br><br>ii. Kereta api/ kapal laut / jenis pengangkutan lain dalam kategori ini.<br><table><tr><th>Gred</th><th>Kelas</th></tr><tr><td>27 dan ke atas</td><td>Satu</td></tr><tr><td>26 dan ke bawah</td><td>Dua</td></tr></table><br><u>ELAUN MAKAN</u><br>Layak dituntut oleh seorang pegawai yang menjalankan tugas rasmi di luar Ibu Pejabatnya bagi tempoh 24 jam atau lebih bermula dari waktu bertolak.<br><u>ELAUN MAKAN TIDAK LAYAK DITUNTUT</u><br>Elaun makan tidak layak dituntut jika kemudahan makan disediakan oleh penganjur. Sekiranya sebahagian daripada kemudahan makan disediakan, pegawai hanya layak menuntut bahagian makan yang tidak disediakan tertakluk kepada kadar seperti berikut :-<br>i. sarapan pagi- 20% daripada elaun makan<br>ii. makan tengahari - 40% daripada elaun<br>iii. makan makan malam - 40% daripada elaun makan</td><td>1PP W.P 1.4<br>Para 5.11.1(b)<br><br>MOF.DS.600-31/2/3(30) Bth 17.08.2018<br><br>1PP WP 1.4<br>Para 5.1</td></tr>
</table>

| Perkara | Maklumat Yang Perlu Disemak | Rujukan |
|---|---|---|
| Tuntutan Perjalanan Menghadiri Hari Perkhidmatan | **<u>ELAUN HARIAN</u>**<br>Layak bagi pegawai menjalankan tugas rasmi di luar Ibu pejabatnya melebihi 8 jam tapi kurang dari 24 jam. Kadar adalah mengikut kadar separuh dari kelayakan elaun makan yang dikira mulai dari waktu bertolak. | 1PP WP 1.4<br>Para 5.2.1 |
| | **<u>BAYARAN SEWA HOTEL</u>**<br>Bayaran sewa hotel adalah layak dituntut bagi pegawai menjalankan tugas rasmi di luar Ibu pejabat dan perlu menginap.<br><br>Seseorang pegawai tidak layak menuntut Bayaran Sewa Hotel atau Lojing jika tempat penginapan disediakan oleh Kerajaan atau Penganjur.<br><br>Sekiranya tuntutan Bayaran sewa hotel adalah melebihi kelayakan pegawai, Pegawai Pengawal boleh meluluskan tuntutan tersebut dengan kadar tidak melebihi 20% daripada kadar kelayakan pegawai selaras prinsip *Let Managers Manage.* | 1PP WP 1.4<br>Para 5.3.6<br><br>1PP WP 1.5<br>Para 5.3.6<br><br>1PP WP1.5<br>Para 5.3.3<br><br>1PP WP 1.4<br>Para 5.3.3 |
| | **<u>LOJING</u>**<br>Tempat menginap pegawai selain hotel atau rumah rehat. Dibayar sekiranya pegawai menginap di rumah kawan/saudara-mara dan lain-lain tempat. | |
| | 1.0 Pastikan Kenyataan Tuntutan Perjalanan Kerana Menjalankan Tugas Rasmi Di Dalam Negeri diterima dan disertakan dengan dokumen sokongan seperti berikut :<br><br>1.1 Borang Tuntutan Perjalanan; | Contoh Tuntutan di Lampiran A |

| Perkara | Maklumat Yang Perlu Disemak | Rujukan |
|---|---|---|
| Tuntutan Perjalanan Menghadiri Hari Perkhidmatan | 1.2 Surat Jemputan Untuk Menghadiri Tugas Rasmi Di Dalam Negeri;<br><br>1.3 Surat Surat kebenaran/ kelulusan Pegawai Pengawal untuk pegawai menjalankan tugas rasmi. Bagi Kerajaan Negeri, Pegawai Pengawal adalah Setiausaha Kerajaan Negeri<br><br>1.4 Surat Pengesahan Elaun Hidup Pemandu (Jika Ada);<br><br>1.5 Resit-resit asal atau satu perakuan hendaklah dibuat iaitu (Disahkan bahawa perbelanjaan ini adalah perbelanjaan rasmi kerajaan).<br><br>2.0 Semak bulan dan tahun kewangan, jika bukan tahun semasa pastikan Sijil AP58(a) disertakan & memenuhi syarat berikut :-<br><br>2.1 Tuntutan hendaklah dibayar dalam tahun kewangan semasa.<br><br>2.2 Baki peruntukan dalam tahun perbelanjaan dan semasa adalah mencukupi.<br><br>Sekiranya syarat AP58 (a) tidak dipatuhi, pastikan surat kelulusan perbendaharaan disertakan.<br><br>3.0 Tuntutan Elaun Makan/ Elaun Harian<br><br>3.1 Kadar Elaun Makan yang layak dituntut bagi tiap-tiap kali bermalam di luar Ibu Pejabatnya | Arahan Perbendaharaan (AP58(a))<br><br>1PP WP 1.4 Para 5.1.1 |

| Perkara | Maklumat Yang Perlu Disemak | Rujukan |
|---|---|---|
| Tuntutan Perjalanan Menghadiri Hari Perkhidmatan | adalah seperti berikut :<br><br>**KAKITANGAN AWAM BIASA** | 1PP WP 1.4<br>Para 5.1.1 |

| Gred | Sem. Malaysia (RM) | Sabah, Sarawak, Labuan (RM) |
|---|---|---|
| Utama/Khas ‘A’ dan ke atas | 115 | 165 |
| Utama/Khas ‘B’ dan ‘C’ | 100 | 130 |
| 53 dan 54 atau Yang Setaraf | 85 | 115 |
| 45 hingga 52 | 60 | 80 |
| 41 hingga 44 | 45 | 65 |
| 17 hingga 40 | 40 | 55 |
| 16 dan ke bawah | 35 | 50 |

| Perkara | Maklumat Yang Perlu Disemak | Rujukan |
|---|---|---|
| Tuntutan Perjalanan Menghadiri Hari Perkhidmatan | **POLIS** (see table below) | 1PP WP 1.4 Para 5.1.1 |

**POLIS**

| Pangkat | Sem. Malaysia (RM) | Sabah, Sarawak, Labuan (RM) |
|---|---|---|
| Ketua Polis dan Timbalan Ketua Polis Negara | 115 | 165 |
| Pesuruhjaya Polis dan Timbalan Pesuruhjaya Polis | 100 | 130 |
| Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis | 85 | 115 |
| Timbalan Penguasa Polis hingga Penolong Pesuruhjaya Polis | 60 | 80 |
| Inspektor Polis hingga Penolong Penguasa Polis | 45 | 65 |
| Konstabel hingga Sub Inspektor | 40 | 55 |
| Sarjan hingga Sub Inspektor Sokongan/ Orang Asli | 40 | 55 |
| Konstabel hingga Koperal Sokongan/ Orang Asli | 35 | 50 |

| Perkara | Maklumat Yang Perlu Disemak | Rujukan |
|---|---|---|
| Tuntutan Perjalanan Menghadiri Hari Perkhidmatan | **TENTERA** (table below) | Perintah Majlis Angkatan Tentera Bil 10 Tahun 2003 Kembaran A |

**TENTERA**

| Pangkat | Sem. Malaysia (RM) | Sabah, Sarawak, Labuan (RM) |
|---|---|---|
| Jeneral | 115 | 165 |
| Leftenan Jeneral & Mejar Jeneral | 100 | 130 |
| Brigedier Jeneral | 85 | 115 |
| Mejar Sehingga Kolonel | 60 | 80 |
| Leftenen hingga Kapten | 45 | 65 |
| Sarjan hingga Pemegang Waran 1 | 40 | 55 |
| Prebet hingga Lans Koperal | 35 | 50 |

3.2 Kadar Elaun Harian adalah separuh daripada kadar elaun makan.

4.0 Bayaran Sewa Hotel / Lojing

4.1 Seorang pegawai layak menuntut bayaran perkhidmatan dan cukai perkhidmatan yang wajib ke atas sewa hotel sebagai tambahan kepada maksimum kelayakannya.

4.2 Kadar kelayakan bayaran sewa hotel adalah seperti berikut:

| Perkara | Maklumat Yang Perlu Disemak | Rujukan |
|---|---|---|
| Tuntutan Perjalanan Menghadiri Hari Perkhidmatan | **KAKITANGAN AWAM BIASA** | 1PP WP 1.4 Para 5.3.1 (a)&(b) |

| Gred | Sem. Malaysia (RM) | Sabah, Sarawak, Labuan (RM) |
|---|---|---|
| Utama/Khas 'A' dan ke atas | Sebenar (Standard Suite) | Sebenar (Standard Suite) |
| Utama/Khas 'B' dan 'C' | Sebenar (Bilik Superior) | Sebenar (Bilik Superior) |
| 53 dan 54 atau Yang Setaraf | Sebenar (Bilik Biasa) | Sebenar (Bilik Biasa) |
| 45 hingga 52 | 240 | 270 |
| 41 hingga 44 | 220 | 250 |
| 27 hingga 40 | 200 | 230 |
| 17 hingga 26 | 180 | 210 |
| 16 dan ke bawah | 160 | 190 |

| Perkara | Maklumat Yang Perlu Disemak | Rujukan |
|---|---|---|
| Tuntutan Perjalanan Menghadiri Hari Perkhidmatan | **POLIS** (see table below) | 1PP WP 1.5 Para 5.3.1 (a)&(b) |

**POLIS**

| Pangkat | Sem. Malaysia (RM) | Sabah, Sarawak, Labuan (RM) |
|---|---|---|
| Ketua Polis dan Timbalan Ketua Polis Negara | Sebenar (Standard Suite) | Sebenar (Standard Suite) |
| Pesuruhjaya Polis dan Timbalan Pesuruhjaya Polis | Sebenar (Bilik Superior) | Sebenar (Bilik Superior) |
| Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis | Sebenar (Bilik Biasa) | Sebenar (Bilik Biasa) |
| Timbalan Penguasa Polis hingga Penolong Pesuruhjaya Polis | 240 | 270 |
| Inspektor Polis hingga Penolong Penguasa Polis | 220 | 250 |
| Sarjan hingga Sub Inspektor | 200 | 230 |
| Konstabel hingga Koperal | 180 | 210 |
| Sarjan hingga Sub Inspektor Sokongan / Orang Asli | 180 | 210 |
| Kostabel hingga Koperal Sokongan / Orang Asli | 160 | 190 |

| **Perkara** | **Maklumat Yang Perlu Disemak** | **Rujukan** |
|---|---|---|
| Tuntutan Perjalanan Menghadiri Hari Perkhidmatan | **TENTERA** (lihat jadual di bawah) | Perintah Majlis Angkatan Tentera Bil 10 Tahun 2003 Kembaran A |

**TENTERA**

| **Pangkat** | **Sem. Malaysia (RM)** | **Sabah, Sarawak, Labuan (RM)** |
|---|---|---|
| Jeneral | Sebenar (Standard Suite) | Sebenar (Standard Suite) |
| Leftenan Jeneral<br>Mejar Jeneral | Sebenar (Bilik Superior) | Sebenar (Bilik Superior) |
| Brigedier Jeneral | Sebenar (Bilik Biasa) | Sebenar (Bilik Biasa) |
| Mejar Sehingga Kolonel | 240 | 270 |
| Leftenen hingga Kapten | 220 | 250 |
| Sarjan hingga Pemegang Waran 1 | 200 | 230 |
| Prebet hingga Lans Koperal | 180 | 210 |

| Perkara | Maklumat Yang Perlu Disemak | Rujukan |
|---|---|---|
| Tuntutan Perjalanan Menghadiri Hari Perkhidmatan | 4.3 Kadar kelayakan elaun lojing adalah seperti berikut:<br><br>**KAKITANGAN AWAM BIASA** | 1PP WP 1.4 Para 5.3.1 (a)&(b) |

| Gred | Sem. Malaysia (RM) | Sabah, Sarawak, Labuan (RM) |
|---|---|---|
| Utama/Khas ’A’ dan ke atas | 80.00 | 85.00 |
| Utama/Khas ’B’ dan’C’ | 75.00 | 80.00 |
| 53 dan 54 | 70.00 | 75.00 |
| 45 hingga 52 | 60.00 | 70.00 |
| 41 hingga 44 | 55.00 | 60.00 |
| 27 hingga 40 | 45.00 | 50.00 |
| 17 hingga 26 | 40.00 | 45.00 |

| Perkara | Maklumat Yang Perlu Disemak | Rujukan |
|---|---|---|
| Tuntutan Perjalanan Menghadiri Hari Perkhidmatan | **POLIS** (lihat jadual di bawah) | 1PP WP 1.5 Para 5.3.1 (a)&(b) |

**POLIS**

| Pangkat | Sem. Malaysia (RM) | Sabah, Labuan, Sarawak (RM) |
|---|---|---|
| Ketua Polis dan Timbalan Ketua Polis Negara | 80 | 85 |
| Pesuruhjaya Polis dan Timbalan Pesuruhjaya Polis | 75.00 | 80.00 |
| Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis | 70.00 | 75.00 |
| Timbalan Penguasa Polis hingga Penolong Pesuruhjaya Polis | 60.00 | 70.00 |
| Inspektor Polis hingga Penolong Penguasa Polis | 55.00 | 60.00 |
| Sarjan Hingga Sub Inspektor | 45.00 | 50.00 |

| Perkara | Maklumat Yang Perlu Disemak | Rujukan |
|---|---|---|
| Tuntutan Perjalanan Menghadiri Hari Perkhidmatan | **TENTERA** (lihat jadual di bawah) | Perintah Majlis Angkatan Tentera Bil 10 Tahun 2003 Kembaran A |

**TENTERA**

| Pangkat | Sem. Malaysia (RM) | Sabah, Sarawak, Labuan (RM) |
|---|---|---|
| Jeneral | 80 | 85 |
| Leftenan Jeneral hingga Mejar Jeneral | 75 | 80 |
| Brigedier Jeneral | 70 | 75 |
| Mejar Sehingga Kolonel | 60 | 70 |
| Leftenen hingga Kapten | 55.00 | 60.00 |
| Sarjan hingga Pemegang Waran 1 | 35.00 | 40.00 |
| Prebet hingga Lans Koperal | 30.00 | 35.00 |

| Perkara | Maklumat Yang Perlu Disemak | Rujukan |
|---|---|---|
| Tuntutan Perjalanan Menghadiri Hari Perkhidmatan | 5.0 Tuntutan Pelbagai<br>5.1 Bayaran Elaun Hidup Pemandu<br><br>5.1.1 Semak sama ada pegawai menggunakan pemandu yang digajikan untuk tugas rasmi bagi tuntutan elaun hidup drebar. Tuntutan pegawai hendaklah mengandungi pengesahan pegawai yang membuktikan ianya ada menggaji seorang pemandu.<br><br>5.1.2 Seseorang pegawai yang menggaji seorang pemandu adalah layak menuntut elaun hidup pemandu semasa menjalankan tugas rasmi di luar ibu pejabat dengan syarat pemandunya bermalam bersama, mengikut kadar seperti berikut:-<br><br>Semenanjung Malaysia: RM 30.00 semalam<br>Sabah dan Sarawak: RM 40.00 semalam<br>Singapura dan Brunei: RM 45.00 semalam<br><br>5.2 Bayaran Tol dan Tempat Letak Kereta<br><br>5.2.1 Hanya layak dituntut jika pegawai membawa kenderaan sendiri dengan mengemukakan resit sebagai dokumen sokongan.<br><br>5.3 Bayaran Dobi<br><br>5.3.1 Disokong dengan resit apabila pegawai menginap di luar Ibu Pejabat tidak kurang dari 3 malam. | |

| Perkara | Maklumat Yang Perlu Disemak | Rujukan |
|---|---|---|
| Tuntutan Perjalanan Menghadiri Hari Perkhidmatan | 5.4 Bayaran Pos, Telefon, Teleks & Faks<br><br>5.4.1 Hanya layak tuntut jika atas urusan rasmi sahaja dengan mengemukakan resit.<br><br>5.5 Bayaran Cukai Lapangan Terbang<br><br>5.5.1 Perlulah disokong dengan resit asal.<br><br>5.6 Bayaran Excess Baggage<br><br>5.6.1 Untuk barang-barang rasmi sahaja yang disokong dengan resit. | 1PP WP 1.4<br>Para 5.7.1 |
| | 6.0 Pendapatan (RM) termasuk gaji pokok dan elaun-elaun, Kenderaan – jenis / model, no.pendaftaran, kuasa (c.c) & kelas tuntutan<br><br>Penentuan kelas tuntutan elaun perjalanan: | Pekeliling Perkhidmatan Bil 1 Tahun 2012 Lampiran I Para 3 |

| GAJI (RM) | KELAS | SUKATAN SILINDER KENDERAAN |
|---|---|---|
| Tidak kurang dari RM2,625.45 sebulan | A | 1,400 s.s dan keatas |
| Tidak kurang dari RM2,333.00 sebulan | B | 1,000 s.s dan keatas |
| Tidak kurang dari RM1,820.75 sebulan | C | Di bawah 1,000 s.s. |
| Kurang dari RM1,820.75 sebulan | D | Tidak kurang 175 s.s. |
| Kurang dari RM1,820.75 kebawah | E | Di bawah 175 s.s. |

| Perkara | Maklumat Yang Perlu Disemak | Rujukan |
|---|---|---|
| Tuntutan Perjalanan Menghadiri Hari Perkhidmatan | 6.1 Kadar per km mengikut kelas kenderaan dan jarak : | 1PP WP 1.4 Para 5.7.1 |

| Jarak | Kelas | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | A | B | C | D | E |
| 500km pertama | 70 | 60 | 50 | 45 | 40 |
| 501-1,000km | 65 | 55 | 45 | 40 | 35 |
| 1,001-1,700km | 55 | 50 | 40 | 35 | 30 |
| 1,701km dan seterusnya | 50 | 45 | 35 | 30 | 25 |

7.0 Kod Akaun

7.1 Pastikan kod objek yang dipertanggungkan di atas baucar bayaran adalah menggunakan objek lanjut di bawah objek sebagai B0221000 dan B0229000.

Rujukan: 1PP PS 1.1; SPANM Bil.10 Tahun 2017

| Perkara | Kakitangan Awam | Polis/ tentera |
|---|---|---|
| Elaun Makan/Harian | B0221101 | B0221301 |
| Elaun Lojing/Hotel | B0221102 | B0221302 |
| Kereta Api/ ERL/ LRT/ Komuter | B0221103 | B0221303 |
| Pejalanan Kenderaan (Kereta/ Teksi/ Bas) | B0221104 | B0221304 |
| Feri/ Bot | B0221105 | B0221305 |
| Kapal Terbang/ Tambang Gantian | B0221106 | B0221306 |
| Tol/tempat Letak Kereta/ Telefon/Fax | B0221199 | B0221399 |
| Bayaran Dobi | B0229130 | B0229130 |

**LAMPIRAN A**

## CONTOH SURAT PEGAWAI KUMPULAN PENGURUSAN & PROFESIONAL YANG MENGGAJI PEMANDU SEPENUH MASA

### SURAT PENGESAHAN ELAUN SARA HIDUP PEMANDU

Kepada,
Ketua Jabatan

Saya mengaku bahawa saya telah menggunakan seorang pemandu yang digajikan oleh saya secara sepenuh masa untuk menjalankan tugas rasmi yang diarahkan. Berikut adalah butir-butir pemandu :-

Nama :
No. Kad Pengenalan :

..................................................
( Tandatangan Pegawai yang menuntut)

---

### PENGESAHAN PEMANDU

Adalah disahkan bahawa saya telah ditugaskan untuk memandu pegawai seperti penama di atas sepenuh masa termasuk pada tarikh ………. sehingga ………. . ke tempat …………………. Saya telah menerima gaji/upahan daripada beliau sebanyak RM......................... sebulan.

..................................................
(Tandatangan pemandu)
Nama:
No Kad Pengenalan:

---

### PENGESAHAN KETUA JABATAN

Saya mengesahkan bahawa penyataan di atas adalah benar dan perjalanan tersebut adalah atas urusan rasmi.

....................................................
(Tandatangan Ketua Jabatan)
Nama

**LAMPIRAN B**

## <u>CONTOH</u>
## Borang Kebenaran Untuk Menggunakan Kenderaan Sendiri

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

Nama Pegawai : Sarah binti Ali
Jabatan/Bahagian : Sekolah Menengah (P) Sultan Ibrahim
Johor Bahru

Kenderaan Jenis : Honda Accord
Nombor :JJH 3473
Kuasa : 2000 CC
Kelas : A

Kepada Ketua Jabatan /Bahagian

Saya, Sarah binti Ali, dengan ini memohon kebenaran tuan untuk menggunakan kereta saya sendiri dalam menjalankan tugas rasmi ke tempat berikut dan menuntut Elaun Hitungan Batu Kelas A.

| Tarikh | Tempat | Jenis Tugas | Hitungan km pergi/balik |
|---|---|---|---|
| 17/5/2015 hingga 18/5/2015 | Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) | Menghadiri Sambutan Hari Guru Peringkat Kebangsaan pada 18/5/2015 | Anggaran 600 km pergi/balik |

Sebab-sebab mengapa kereta saya perlu digunakan adalah:

i) Bagi memudahkan perjalanan ke tempat bertugas dari hotel tempat penginapan.

Tarikh :

…………………………………..

(Tandatangan Pegawai)

---

**<u>PERAKUAN KETUA JABATAN</u>**

Disahkan bahawa adalah amat mustahak bagi pegawai ini menggunakan kereta beliau dalam perjalanan tersebut di atas dan permohonan ini diliiluskan dengan syarat berikut :

i) Menggunakan kenderaan baliau sendiri dalam menjalakan tugas –tugas yang ada hubungan dengan pejabat ini; dan

ii) Tidak dapat menggunakan lain-lain kenderaan yang lebih sesuai selain dari menggunkan kendeaan sendiri.

~~iii)~~ Permohonan diluluskan dengan menggunakan kenderaan sendiri/~~kapalterbang/keretapi/teksi/tambang gentian teksi/tambang gantian kapalterbang.~~

……………..……………………

(Tandatangan Ketua Jabatan)

Nama:

Jawatan:

Tarikh :

**LAMPIRAN C**

**Contoh 1**

**Puan Sarah binti Ali, Pengetua di Sekolah Menengah Perempuan Sultan Ibrahim Johor Bharu telah diarahkan oleh Jabatan Pendidikan Negeri Johor untuk menghadiri Perhimpunan Hari Guru Peringkat Kebangsaan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya pada 18 Mei 2015**

**KENYATAAN TUNTUTAN ELAUN PERJALANAN DALAM NEGERI**
**BAGI BULAN MEI 2015**

| **MAKLUMAT PEGAWAI** | | |
|---|---|---|
| Nama (Huruf Besar) | : | **SARAH BINTI ALI** |
| No. Kad Pengenalan | : | **111111111111** |
| Gred/Kategori/Kumpulan Kategori/Kumpulan | : | **DG52** |
| Jawatan | : | **PENGETUA** |
| Butiran Bank & Akaun | Nama & Alamat Bank | **MAYBANK ISLAMIC BERHAD,** |
| | Jenis/Nombor Akaun | **222222222222 - WADIAH SAVINGS ACCOUNT** |
| Pendapatan (RM) | No. Gaji | **3996055** |
| | Gaji | **RM 8,896.00** |
| | Elaun-Elaun | **RM 1,800.00** |
| | Jumlah | **RM 10,696.00** |
| Kenderaan | Jenis Model | **HONDA ACCORD** |
| | No. Pendaftaran | **JJH 3473** |
| | Kuasa | **2000 CC** |
| | Kelas Tuntutan | **A** |
| Alamat Pejabat | | **SEKOLAH MENENGAH PEREMPUAN SULTAN IBRAHIM**<br>**JALAN BENDAHARA**<br>**80100 JOHOR BAHRU**<br>**JOHOR** |
| Alamat Rumah | | **1 JALAN CENGAL**<br>**TAMAN KEBUN TEH**<br>**80250 JOHOR BHARU JOHOR** |

| KENYATAAN TUNTUTAN | | | | |
|---|---|---|---|---|
| Tarikh | Waktu Bertolak | Waktu Sampai | Tempat Tujuan | Jarak (k.m.) |
| 17/5/2015 (Ahad) | 9.00 pg | 2.00 ptg | Dari rumah ke Pejabat ke The Everly Hotel Putrajaya untuk menghadiri Sambutan Hagi Guru peringkat Kebangsaan di Pusat Konvensyen Antaraabangsa (PICC) Putrajaya<br>Bayaran Tol(T&G)<br>Plaza Tol Skudai Utara<br>RM2.10<br>Plaza Tol UPM<br>RM39.80 | 290 |
| 18/5/2015 (Isnin) | 7.30 pg | 7.50 pg | Dari The Everly Hotel Putrajaya ke PICC Putrajaya | 11 |
| | 4.00 ptg | 9.30 mim | Dari PICC Putrajaya terus balik ke rumah<br>Bayaran Tol(T&G)<br>Plaza Tol Skudai<br>RM39.80<br>Plaza Tol Skudai Utara<br>RM2.10 | 290 |
| | | | **JUMLAH BESAR** | **591** |

| TUNTUTAN ELAUN PERJALANAN KENDERAAN | | | | |
|---|---|---|---|---|
| Bagi | | | | |
| 500 km | pertama | 500 km x 70 sen / km | RM | 350.00 |
| 501 km | hingga 1000 km | 91 km x 65 sen / km | RM | 59.15 |
| 1001 km | hingga 1700 km | ….. km x 60 sen / km | RM | |
| 1701 km & | seterusnya | ….. km x 55 sen / km | RM | |
| | | **Jumlah** | RM | 409.15 |

| TUNTUTAN TAMBANG PENGANGKUTAN AWAM | | | | |
|---|---|---|---|---|
| Teksi | : | [ Resit : | RM | |
| Bas | : | [ Resit : | RM | |
| Kereta Api | : | [ Resit : | RM | |
| Feri | : | [ Resit : | RM | |
| Lain-Lain | | [ Resit : | RM | |
| | | **Jumlah** | **RM** | |

| TUNTUTAN ELAUN MAKAN/ELAUN HARIAN | | | |
|---|---|---|---|
| 1 hari | X Elaun Makan sebanyak RM 60.00 / hari | RM | 60.00 |
| 1 hari | X Elaun Harian sebanyak RM 30.00 / hari | RM | 30.00 |
| | **Jumlah** | **RM** | **90.00** |

| TUNTUTAN BAYARAN SEWA HOTEL (BSH)/ELAUN LOJING | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 1 hari | X BSH sebanyak RM 220 | / hari * | RM | 220.00 |
| [Resit : no 123456] | | | | |
| Bayaran Perkhidmatan dan Cukai Kerajaan | | | RM | |
| | X Elaun Lojing sebanyak RM | / hari | RM | |
| | **Jumlah** | | RM | 0.00 |

| TUNTUTAN PELBAGAI | | | |
|---|---|---|---|
| Tol * | : Touch 'n Go | RM | 83.80 |
| Tempat Letak Kereta * | : [Resit ……………-…..………] | RM | |
| Dobi | : [Resit …………………………] | RM | |
| Pos | : [Resit …………………………] | RM | |
| Telefon, Teleks, Faks | : [Resit …………………………] | RM | |
| Lain-lain - Tiket Kapalterbang MAS | : [Resit ………………………...] | RM | |
| Kerugian pertukaran matawang asing (@3%) [Bagi Singapura, Selatan Thailand, Kalimantan dan Brunei Darussalam sahaja]. | | RM | |
| | **Jumlah** | RM | |
| | **Jumlah Tuntutan** | **RM** | **802.95** |

**PENGAKUAN**

Saya mengaku bahawa:

(a) Perjalanan pada tarikh-tarikh tersebut adalah benar dan telah dibuat atas urusan rasmi;

(b) Tuntutan ini dibuat mengikut kadar dan syarat seperti yang dinyatakan dibawah peraturan-peraturan bagi pegawai-pegawai bertugas rasmi dan/ atau pegawai berkursus yang berkuatkuasa semasa;

(c) Perbelanjaan yang bertanda (*) berjumlah sebanyak RM…………….... telah sebenarnya dilakukan dan dibayar oleh saya;

| | |
|---|---|
| (d) Panggilan telefon sebanyak RM ……………. Dibuat atas urusan rasmi; dan<br><br>(e) Butir-butir seperti yang dinyatakan di atas adalah benar dan saya bertanggungjawab terhadapnya.<br><br>Tarikh : ..………………………… Tandatangan | |
| **PENGESAHAN** | |
| Adalah disahkan bahawa perjalanan tersebut adalah atas urusan rasmi.<br><br>Tarikh: ..………………………… Tandatangan | |
| **PENDAHULUAN DIRI (Jika Ada)** | |
| Pendahuluan Diri Diberi | RM |
| Tolak: Tuntutan sekarang | RM |
| Baki dituntut / Baki dibayar balik: | RM |

Catatan:

(*) Jika pegawai memilih untuk tidak menerima SSB

(**) Potong mana yang tidak berkenaan

**Contoh 2**

**Puan Sarah binti Ali, Pengetua di Sekolah Menengah Perempuan Sultan Ibrahim Johor Bharu telah diarahkan oleh Jabatan Pendidikan Negeri Johor untuk menghadiri perhimpunan Hari Guru di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya pada 18 Mei 2015 dan hanya dibenarkan menuntut Tambang Gantian Kapalterbang sahaja dari Johor Bahru ke Putrajaya**

**KENYATAAN TUNTUTAN ELAUN PERJALANAN DALAM NEGERI**
**BAGI BULAN MEI 2015**

| MAKLUMAT PEGAWAI | | |
|---|---|---|
| Nama (Huruf Besar) | : | **SARAH BINTI ALI** |
| No. Kad Pengenalan | : | **111111111111** |
| Gred/Kategori/Kumpulan Kategori/Kumpulan | : | **DG52** |
| Jawatan | : | **PENGETUA** |
| Butiran Bank & Akaun | Nama & Alamat Bank | **MAYBANK ISLAMIC BERHAD,** |
| | Jenis/Nombor Akaun | **222222222222 - WADIAH SAVINGS ACCOUNT** |
| Pendapatan (RM) | No. Gaji | **3996055** |
| | Gaji | **RM 8,896.00** |
| | Elaun-Elaun | **RM 1,800.00** |
| | Jumlah | **RM 10,696.00** |
| Kenderaan | Jenis Model | **HONDA ACCORD** |
| | No. Pendaftaran | **JJH 3473** |
| | Kuasa | **2000 CC** |
| | Kelas Tuntutan | **A** |
| Alamat Pejabat | | **SEKOLAH MENENGAH PEREMPUAN SULTAN IBRAHIM<br>JAALAN BENDAHARA<br>80100 JOHOR BAHRU<br>JOHOR** |
| Alamat Rumah | | **1 JALAN CENGAL<br>TAMAN KEBUN TEH<br>80250 JOHOR BHARU JOHOR** |

| KENYATAAN TUNTUTAN | | | | |
|---|---|---|---|---|
| Tarikh | Waktu Bertolak | Waktu Sampai | Tempat Tujuan | Jarak (k.m.) |
| 17/5/2015 (Ahad) | 9.00 pg | 2.00 ptg | Dari rumah ke Pejabat ke The Everly Hotel Putrajaya untuk menghadiri Sambutan Hagi Guru peringkat Kebangsaan di Pusat Konvensyen Antarabangsa (PICC) Putrajaya<br><br>Bayaran Tol(T&G)<br>Plaza Tol Skudai Utara<br>RM2.10<br>Plaza Tol UPM<br>RM39.80 | 290 |
| 18/5/2015 (Isnin) | 7.30 pg | 7.50 pg | Dari The Everly Hotel Putrajaya ke PICC Putrajaya | 11 |
| | 4.00 ptg | 9.30 mim | Dari PICC Putrajaya terus balik ke rumah<br>Bayaran Tol(T&G)<br>Plaza Tol Skudai<br>RM39.80<br>Plaza Tol Skudai Utara<br>RM2.10<br><br>(menuntut tambang gantian kapalterbang dari Johor Bahru ke KLIA)<br>RM330.00 | 290 |
| | | | **JUMLAH BESAR** | **591** |

| TUNTUTAN ELAUN PERJALANAN KENDERAAN | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| Bagi | | | | | |
| | 500 km | pertama | 11 km x 70 sen / km | RM | 7.70 |
| | 501 km | hingga 1000 km | km x 65 sen / km | RM | |
| | 1001 km | hingga 1700 km | ….. km x 60 sen / km | RM | |
| | 1701 km & | seterusnya | ….. km x 55 sen / km | RM | |
| | | | **Jumlah** | RM | 7.70 |

| TUNTUTAN TAMBANG PENGANGKUTAN AWAM | | | | |
|---|---|---|---|---|
| Teksi | : | [ Resit : | RM | |
| Bas | : | [ Resit : | RM | |
| Kereta Api | : | [ Resit : | RM | |
| Feri | : | [ Resit : | RM | |
| Lain-Lain | | [ Tambang Gantian Kapalterbang JB – KL] | RM | 330.00 |
| | | **Jumlah** | **RM** | **330.00** |

| TUNTUTAN ELAUN MAKAN/ELAUN HARIAN | | | |
|---|---|---|---|
| 1 hari | X Elaun Makan sebanyak RM 60.00 / hari | RM | 60.00 |
| 1 hari | X Elaun Harian sebanyak RM 30.00 / hari | RM | 30.00 |
| | **Jumlah** | **RM** | **90.00** |

| TUNTUTAN BAYARAN SEWA HOTEL (BSH)/ELAUN LOJING | | | |
|---|---|---|---|
| 1 hari X BSH sebanyak RM 220 | / hari * | RM | 220.00 |
| [Resit : no 123456] | | | |
| Bayaran Perkhidmatan dan Cukai Kerajaan | | RM | |
| X Elaun Lojing sebanyak RM | / hari | RM | |
| | **Jumlah** | RM | 0.00 |

| TUNTUTAN PELBAGAI | | | |
|---|---|---|---|
| Tol * | : Touch 'n Go | RM | |
| Tempat Letak Kereta * | : [Resit ……………-…..………] | RM | |
| Dobi | : [Resit …………………………] | RM | |
| Pos | : [Resit …………………………] | RM | |
| Telefon, Teleks, Faks | : [Resit …………………………] | RM | |
| Lain-lain - Tiket Kapalterbang MAS | : [Resit ………………………...] | RM | |
| Kerugian pertukaran matawang asing (@3%) [Bagi Singapura, Selatan Thailand, Kalimantan dan Brunei Darussalam sahaja]. | | RM | |
| | **Jumlah** | RM | |
| | **Jumlah Tuntutan** | **RM** | **647.70** |

**PENGAKUAN**

Saya mengaku bahawa:

(a) Perjalanan pada tarikh-tarikh tersebut adalah benar dan telah dibuat atas urusan rasmi;

(b) Tuntutan ini dibuat mengikut kadar dan syarat seperti yang dinyatakan dibawah peraturan-peraturan bagi pegawai-pegawai bertugas rasmi dan/ atau pegawai berkursus yang berkuatkuasa semasa;

(c) Perbelanjaan yang bertanda (*) berjumlah sebanyak RM…………….... telah sebenarnya dilakukan dan dibayar oleh saya;

(d) Panggilan telefon sebanyak RM ……………. Dibuat atas urusan rasmi; dan

(e) Butir-butir seperti yang dinyatakan di atas adalah benar dan saya bertanggungjawab terhadapnya.

Tarikh : ..…………………………
Tandatangan

**PENGESAHAN**

Adalah disahkan bahawa perjalanan tersebut adalah atas urusan rasmi.

Tarikh: ..…………………………
Tandatangan

**PENDAHULUAN DIRI (Jika Ada)**

| | | |
|---|---|---|
| Pendahuluan Diri Diberi | | RM |
| Tolak: | Tuntutan sekarang | RM |
| Baki dituntut / Baki dibayar balik: | | RM |

Catatan:

(*) Jika pegawai memilih untuk tidak menerima SSB

(**) Potong mana yang tidak berkenaan